

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya
No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

KEBENARAN BEROPERASI BAGI SEKTOR PERDAGANGAN PENGEDARAN DI BAWAH KAWAL SELIA KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP) SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI PULAU PINANG, SELANGOR, WILAYAH PERSEKUTUAN (KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA, LABUAN), MELAKA, JOHOR DAN SABAH

1. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengambil maklum pengumuman yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 11 Januari 2021 untuk pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk tempoh bermula **13 Januari 2021 hingga 26 Januari 2021** melibatkan **Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Labuan, Melaka, Johor dan Sabah**.
2. KPDNHEP sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab dalam mengawal selia aktiviti perdagangan dan pengedaran di negara ini akan sentiasa memastikan rangkaian peruncitan, pengedaran dan pemborongan yang merupakan nadi kepada ekonomi domestik tidak terjejas sekaligus dapat memberi keyakinan kepada rakyat Malaysia mendapatkan bekalan barangan keperluan asas di pasaran.
3. Dalam mengimbangi kelangsungan perkembangan ekonomi dalam negeri, salah satu daripada lima sektor ekonomi yang dibenarkan beroperasi adalah **sektor perdagangan dan pengedaran yang merupakan salah satu sektor di bawah kawal selia KPDNHEP**. Senarai aktiviti perdagangan dan pengedaran yang dibenarkan beroperasi adalah seperti di **Lampiran A**.
4. Bagi memastikan tiada sebarang halangan atau sekatan pergerakan sepanjang tempoh PKP **syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti perdagangan pengedaran yang dibenarkan beroperasi ini perlu mendapatkan surat notifikasi pengesahan pendaftaran**. Sehubungan dengan itu, syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti perdagangan pengedaran termasuk peruncitan, pemborongan dan pengedaran boleh memohon surat notifikasi pengesahan pendaftaran dengan mengakses portal **COVID-19 Intelligent Management System (CIMS), MITI** melalui pautan <https://notification.miti.gov>.
5. Syarikat-syarikat sektor perdagangan dan pengedaran yang belum berdaftar dengan CIMS boleh berbuat demikian melalui pautan pautan <https://notification.miti.gov> dan surat notifikasi pengesahan pendaftaran boleh dimuat turun oleh syarikat selepas pendaftaran.
6. Pihak KPDNHEP juga ingin mengingatkan agar pihak syarikat yang dibenarkan beroperasi turut memastikan hanya 30 peratus pekerja dalam kumpulan pengurusan dibenarkan berada di pejabat dan pekerja dalam kumpulan sokongan/operasi akan ditentukan oleh majikan masing-masing serta memastikan pematuhan SOP yang ketat. Adalah menjadi tanggungjawab setiap syarikat yang telah diberi kebenaran mematuhi arahan daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia dari masa ke semasa.
7. Untuk maklumat lanjut, pihak pemain industri dan orang ramai boleh menghubungi **Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP)** di talian hotline **03- 8882 5881/ 5903** atau melalui emel kepada spip@kpdnhep.gov.my.

YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
12 Januari 2021

**SENARAI AKTIVITI SEKTOR PERDAGANGAN PENGEDARAN YANG
DIBENARKAN BEROPERASI**

1. Kompleks membeli-belah;
2. Pasaraya/ pasaraya besar;
3. Departmental Store;
4. Farmasi/ penjagaan diri;
5. Kedai serbaneka/ mini mart;
6. Dobi (tidak termasuk layan diri);
7. Restoran;
8. Kedai perabot;
9. Kedai emas;
10. Kedai elektrik dan elektronik;
11. Kedai buku & alat tulis;
12. Kedai hardware;
13. Makanan haiwan;
14. Bengkel kenderaan, penyelenggaraan dan alat ganti;
15. Pusat pengedaran dan jualan kereta; dan
16. Other Specialty Retail Stores: Stesen minyak.